

07 MAY 1996

Ketujuh dalam siri Rencana Bernama sempena ulangtahun ke-50 UMNO  
UMNO PELOPORI USAHA DAULATKAN BAHASA MELAYU

Oleh: ABDUL RAHMAN SAADON

KUALA LUMPUR: Allahyarham Tun Abdul Razak bin Hussein ketika menjadi Menteri Pelajaran dalam kabinet Tunku Abdul Rahman pernah beramanat:

"...Bahasa Melayu hendaklah dijadikan bahasa kebangsaan dan bahasa rasmi di Persekutuan Tanah Melayu ini...kedaulatan negara tidak dapat tiada akan membawa kedaulatan bahasa".

Penubuhan Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM) pada 1970, iaitu selepas tiga belas tahun kemerdekaan Tanah Melayu dan tujuh tahun terbentuknya Malaysia, merupakan antara langkah awal yang besar tepat menyahut amanat Tun Razak itu. Ini kerana UKM yang terbentuk itu menggunakan Bahasa Melayu sebagai bahasa pengantarnya.

Tentunya kelahiran UKM adalah hasil perjuangan tokoh-tokoh UMNO di samping para cendekiawan Melayu termasuk beberapa orang ahli akademik, di samping kesatuan-kesatuan guru Melayu.

Misalnya, ketika Tun Razak menjadi Timbalan Perdana Menteri Malaysia, beliau banyak memainkan peranan penting ke arah menjayakan gagasan universiti kebangsaan itu.

Memang pada peringkat awal usaha itu dipelopori golongan intelektual Melayu termasuk beberapa orang pensyarah Universiti Malaya seperti Prof Majid, Dr Ghazali Abdul Rahman dan Syed Hussin Ali.

Namun peranan UMNO dianggap amat penting kerana ia mencetuskan iltizam politik yang mampu mempengaruhi kerajaan untuk memberi komitmen ke arah penubuhan universiti tersebut yang akan menjadi kemuncak kecemerlangan Dasar Pendidikan Negara yang Bahasa Melayu menjadi terasnya.

Walaupun sejarah menunjukkan terdapat sedikit pertelingkahan di kalangan tokoh-tokoh Melayu sendiri termasuk mereka dalam UMNO bagi penubuhan universiti itu, namun cita-cita tersebut tetap diperjuangkan dengan gigih apa lagi dengan adanya tokoh-tokoh radikal seperti Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad, Syed Jaafar Albar, Syed Nasir Ismail, Tun Dr Ismail Abdul Rahman, Encik (kini Tan Sri) Musa Hitam, dan Naib Ketua Kaum Ibu UMNO, Puan (Tan Sri) Aishah Ghani.

Sehubungan dengan itu, beberapa mesyuarat diadakan membincangkan perkara tersebut. Ini termasuk mesyuarat yang disertai oleh para wakil dari persatuan pelajar, mahasiswa, guru-guru, pensyarah dan intelektual Melayu di Dewan Bahasa dan Pustaka pada malam 25 Ogos 1968.

Mesyuarat itu mengambil keputusan bahawa sebuah universiti kebangsaan mesti ditubuhkan dan sebuah jawatankuasa penaja dibentuk dengan dipengerusi Syed Nasir Ismail, Ketua Pengarah Dewan Bahasa dan Pustaka; sementara Dr Mahathir menjadi naib-pengerusinya.

Melihat kepada sokongan yang kuat dari rakyat termasuk kesatuan-kesatuan guru maka Jawatankuasa Politik UMNO yang dipengerusi Tun Razak mengadakan sidang khas pada 4 September 1968 membincangkan soal berkenaan.

Jawatankuasa itu dianggotai antara lain, dua orang naib presiden UMNO Tun Dr Ismail dan Encik (Tun) Ghafar Baba; dan Dr Mahathir (ahli majlis tertinggi UMNO).

Sidang itu memutuskan meminta UMNO dan Kerajaan menyokong gagasan universiti kebangsaan itu yang kemudiannya terbentuk pada Mei 1970 dan dikenali sebagai Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM).

Kini setelah wujud lebih suku abad, UKM mencetuskan dua kejayaan yang paling ketara - kelahiran begitu ramai siswazah Bumiputera berwibawa dan peningkatan kedudukan bahasa Melayu sebagai bahasa pengurusan dalam

pelbagai sektor kegiatan negara. Ia sudah melahirkan sehingga ini lebih 45,000 siswazah.

Menurut Jabatan Perhubungan Awam UKM, sehingga tahun lalu, UKM telah melahirkan 43,515 siswazah ijazah pertama, 1,324 sarjana, 110 doktor falsafah (Ph D), 2,094 doktor perubatan, 276 siswazah undang-undang, kejuruteraan (696), pentadbiran perniagaan (1,836), perakaunan (1,075), dan doktor pakar dengan ijazah kedua 416 orang.

Golongan yang skeptikal mempersoalkan mutu lulusan ini. Namun keraguan golongan ini hapus segera bila mereka mampu membuktikan kecemerlangan dalam profesion masing-masing sama ada selaku teknokrat yang mengepalai perbadanan-perbadanan multi-nasional, doktor, jurutera, banker dan penasihat kewangan.

Apa yang lebih menarik lagi ialah bila UKM berjaya membuktikan kemampuannya, universiti-universiti tempatan turut mengikuti jejak langkah UKM dengan menggunakan bahasa Melayu sebagai bahasa pengantar bagi sebahagian besar kursus mereka.

Ini secara langsung membuka ruang lebih luas kepada pelajar-pelajar sekolah bahasa pengantar Melayu melanjutkan pengajian ke peringkat universiti, setelah sekian lama ia hanya terbuka kepada pelajar berpendidikan Inggeris.

Hasil dari langkah ini, kini lebih 150,000 siswazah lahir menerusi bahasa pengantar Melayu, kata Setiausaha Kongres Cendekiawan Melayu (KCM), Prof Datuk Wan Hashim Wan Teh.

Lulusan UKM mendapat pengiktirafan universiti-universiti luar negara termasuk di Amerika Syarikat, Australia dan United Kingdom yang memberikan mereka tempat untuk mengikuti kursus lanjutan siswazah dan mereka kemudian keluar dengan keputusan cemerlang.

Wan Hashim, pensyarah di UKM berkata, pada peringkat awal penubuhannya UKM begitu kekurangan tenaga pengajar. "

"Kita ambil tutor dari UM dan Indonesia untuk membantu," katanya.

"Kami yang sedang belajar di luar negeri ketika itu turut membantu mencari tenaga pengajar di sana," kata beliau.

Menyentuh Dasar Pendidikan Negara itu sendiri, Wan Hashim berkata pencapaiannya agak luar biasa.

Kalau pada zaman pra 1970an, terdapat hanya lima atau paling tinggi 15 peratus siswazah Bumiputera yang keluar dari universiti itupun dalam sastera; selepas itu, khususnya 1980an, lulusan Bumiputera terus meningkat hingga pada tahap yang cukup membanggakan.

"Inilah kumpulan orang yang bina Malaysia sekarang," kata beliau.

Antara mereka ini tergolong dalam kumpulan ahli korporat dan teknokrat.

Pencapaian yang cukup luar biasa ialah kemunculan kakitangan pengajar Bumiputera di universiti. Pada zaman pra-1970an kita boleh kenal beberapa kerat pensyarah Melayu itupun di bidang sastera, pengajian Melayu, dan juga mungkin geografi atau sejarah.

"Sekarang terdapat 80-90 peratus kakitangan akademik Melayu di universiti. Boleh dikatakan di bidang intelektual kita pegang dan ini menjadi ciri penting dalam percaturan politik negara," tegas Wan Hashim.

Sementara itu, seorang veteran UMNO, Datuk Borhan Md Yaman, dari Melaka berkata, gagasan penubuhan sebuah universiti kebangsaan di Tanah Melayu pernah diperjuangkan oleh Kesatuan Persekutuan Guru-guru Melayu Semenanjung (KPGMS) seawal 1940an lagi. KPGMS ketika itu dipimpin oleh Cikgu Muhammad Nor Ahmad dari Pulau Pinang.

Beliau berkata, dengan terlaksananya selepas merdeka, Penyata Pelajaran Razak dan Penyata Pelajaran Rahman Talib yang menjadi asas kepada Dasar Pendidikan Negara maka soal menubuhkan sebuah universiti kebangsaan sudah menjadi satu kemestian.

Datuk Borhan pernah menjadi setiausaha UMNO Melaka yang dipimpin Tun

Ghafar pada 1956 dan anggota jawatankuasa Pemuda UMNO Pusat di bawah pimpinan Allahyarham Datuk Senu Abdul Rahman. - Bernama.